

16 NOV 1998
APEC-BERITA-DRAF
S'PURA KEMUKAKANO DRAF PERJANJIAN AIR

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Singapura telah mengemukakan kepada Malaysia drafnya mengenai cadangan perjanjian baru bekalan air, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Malaysia sedang mengkaji butiran terperinci draf itu, katanya kepada pemberta selepas mesyuarat dua hala antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan para pemimpin Apec termasuk Goh Chok Tong dari Singapura.

Abdullah enggan mengulas lanjut mengenai draf itu, dan hanya berkata "sekurang-kurangnya kita ada draf untuk dilihat dan sesuatu yang positif sedang berlaku."

Katanya sekarang terpulang kepada para pegawai untuk membincangkan draf itu serta juga cadangan Malaysia untuk mendapatkan pembiayaan di Singapura.

Singapura mahu memanjangkan perjanjian bekalan airnya dengan Malaysia sekarang sehingga melepasi tahun 2000.

-- BERNAMA

ARA/MAM TS WAT